

09/08/1999

Malaysia cipta sejarah alaf baru

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia memasuki alaf baru dengan menempa sejarah sebagai negara Asia pertama membuat lompatan payung terjun di Kutub Selatan dengan membawa kapsul masa mengandungi mesej khas.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata 23 rakyat Malaysia menawarkan diri untuk tugas itu yang diselaras di bawah program 'Terjunan Alaf Baru 2000 - Misi Kapsul Masa Malaysia Untuk Insan'.

"Projek yang dianggarkan berharga RM16 juta itu turut membabitkan lompatan payung terjun di puncak Gunung Kinabalu, Kepulauan Spratly, Pulau Fiji dan menara berkembar Petronas, di ibu negara.

"Semangat dan kecekalan 23 sukarelawan ini wajar disanjung kerana ia membolehkan nama negara terpahat dalam sejarah dunia menerusi acara simbolik abad ke-20 sebagai tanda bermakna bagi memasuki alaf baru.

"Mereka akan menjadi duta negara bagi menanam kapsul masa di empat lokasi terbabit yang mempunyai tarikan tersendiri untuk dijadikan pilihan," katanya dalam ucapan pelancaran rasmi acara itu, Isnin lalu.

Acara lompatan payung terjun di Kutub Selatan itu dianjurkan oleh Fikiran Syndicate.

Turut hadir pada majlis itu Pengerusi Jawatankuasa Pengelola, Siva Kumar G dan Ketua Pengarah Kementerian Belia dan Sukan, Fathul Radi Bakri.

Pusat rekreasi sukan lasak, Quality Training Sdn Bhd diberi tugas melatih 23 anggota ekspedisi payung terjun terbabit.

Kapsul masa yang bakal dibawa itu akan mengandungi gambar dan nama warga tempatan terpilih selain nama syarikat bersama logo korporat mereka serta maklumat mengenai kebudayaan dan bahasa masyarakat pelbagai kaum di sini.

Kapsul khas mengandungi mesej keamanan dalam bentuk digital daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan penjelasan mengenai teknologi yang diguna bagi menyediakannya turut disertakan.

Rakyat Malaysia juga berpeluang memahatkan nama mereka dalam kapsul masa itu dengan membeli kupon berharga RM10. Mereka juga turut berpeluang menerima hadiah misteri dengan bayaran RM18.

Sektor korporat pula dikenakan bayaran RM880 untuk menyertakan nama, mesej serta logo korporat dalam kapsul masa itu.

Semua peserta yang berdaftar untuk menyertakan nama dalam kapsul masa itu, juga boleh memenangi RM500,000 dengan menjawab soalan tertentu yang akan diumumkan semasa 23 ahli pasukan mengadakan demonstrasi payung terjun di seluruh negara mulai 15 November dan 1 Disember ini.

Dua daripada kapsul itu akan di tanam di puncak Gunung Kinabalu dan Meridian Park, Vanua Levu, Fiji pada tengah malam 31 Disember 1999. Ia akan dikeluarkan semula selepas 100 tahun.

Di Kepulauan Spratly pula, terjunan akan dibuat di Terumbu Layang-Layang di mana satu kapsul akan dibiarkan tertanam sehingga tahun 2020.

Kapsul masa di Kutub Selatan akan membawa mesej supaya kawasan itu dikekalkan tanpa pencemaran atau gangguan manusia. Tiga kapsul berasingan akan diserahkan kepada tiga pusat penyelidikan yang ditampatkan di situ.

Kapsul itu membawa ucapan Dr Mahathir selaku wakil Perjanjian Damai Negara Bukan Antartik (NATSP) yang akan disampaikan beliau di perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Oktober depan.

Terjunan di menara berkembar Petronas, yang juga bangunan tertinggi di dunia dalam alaf ini, akan dilakukan pada tengah malam 31 Disember 1999 sebagai acara sambutan memasuki alaf baru.

Kesemua terjunan bersejarah itu, termasuk di Kutub Selatan, Kepulauan

Spratly dan Fiji serta upacara penanaman salah satu kapsul masa itu di ibu negara oleh Perdana Menteri, akan ditayangkan secara langsung.
(END)